

→ RAHMAT MUAFAKAT KEDAH

Fakta nombor

46,621 UNIT

kediaman mampu milik dibina sejak BN kembali terajui Kedah pada 2013

36 DUN

di Kedah giat bangunkan Projek Perumahan Rakyat

19,775 UNIT

rumah mampu milik dibina melalui 29 projek baharu tahun ini

RM115,000 SUBSIDI

diberi kerajaan negeri bagi setiap kediaman PPR



[FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BH]



[FOTO AMRAN HAMID/BH]

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bersama Ahmad Bashah melihat replika projek PPR selepas majlis pelancaran Pemimpin Bersama Rakyat dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, Padang Matsrat, baru-baru ini.

Ahmad Bashah bersama Badrol Hisham mendengar taklimat daripada Pengarah Urusan Kumpulan Bina Darul Aman (BDB), Datuk Izhah Yusoff (kiri) selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Rakyat Ayer Hitam di Jerlutun, Ogos lalu.

Kedah sasar satu projek PPR setiap DUN

→ Kerajaan negeri pastikan hanya penduduk tempatan layak dapat kediaman mampu milik

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Alor Setar

Kepentingan rakyat untuk memiliki rumah sempurna dan selesa menjadi antara keutamaan kerajaan negeri dan ia terbukti apabila 46,621 unit kediaman mampu milik dibina sejak Barisan Nasional (BN) kembali menerajui Kedah pada 2013.

Jumlah itu melangkaui sasaran 40,000 unit rumah mampu milik yang disenaraikan melalui Adujanji BN ketika berdepan Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), sekali gus membuktikan kemampuan kerajaan menunaikan janji kepada rakyat.

Walaupun sasaran sudah dicapai, usaha memastikan keperluan

perumahan mampu milik untuk rakyat Kedah dipenuhi tidak pernah dihentikan, malah kerajaan negeri ditunjangi Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, giat membangunkan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di semua 36 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh Kedah.

Ahmad Bashah berkata, melalui inisiatif itu kerajaan negeri menyasarkan pembangunan satu projek PPR setiap DUN, dengan keutamaan pemilikan diberikan kepada penduduk asal di kawasan DUN terbabit.

Mengambil contoh Langkawi, katanya isu kekurangan rumah mampu milik dapat diatasi melalui pembinaan 1,000 unit rumah PPR di dua kawasan DUN iaitu Kuala dan Ayer Hangat.

Beri subsidi

"Melalui inisiatif ini penting untuk kita pastikan hanya penduduk tempatan yang layak menduduki rumah PPR, berikutan kerajaan memberi subsidi sangat besar sehingga RM115,000 bagi setiap kediaman.

"Kos bagi pembinaan rumah PPR mencecah RM150,000 sedangkan kerajaan menjualnya kepada mereka yang layak pada harga RM35,000. Ini bermakna kerajaan

memberi subsidi agak banyak," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga negeri, Datuk Badrol Hisham Hashim, berkata sejak 2013 hingga tahun lalu, kerajaan negeri membina 26,846 unit rumah mampu milik, disusuli 19,775 unit rumah dalam kategori sama melalui 29 projek baharu tahun ini.

Beliau berkata, pembinaan rumah mampu milik di Kedah melibatkan usaha sama pelbagai agensi, terutama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Jabatan Perumahan Negara (JPN).

Katanya, agensi lain turut terbabit seperti Perbadanan Prima Berhad (PRIMA), Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Jabatan Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KE-DA), Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) serta Permodalan Kedah Berhad (PKB).

"Rakyat Kedah seharusnya yakin kepimpinan kerajaan sentiasa mengutamakan kesejahteraan rakyat khususnya dalam soal penye-

diaan kediaman," katanya.

Kedua paling murah

Pengerusi REHDA Kedah/Perlis, Datuk Rick Cheng Wooi Seng pula, mengakui peranan proaktif kerajaan apabila memudahkan proses kelulusan setiap projek perumahan ingin dibangunkan dan membantu pemaju menyediakan kediaman kategori mampu milik.

Secara purata, katanya, kebanyakan kediaman di Kedah bercirikan rumah mampu milik, malah unit ditawarkan di Kedah kedua paling murah di Malaysia, malah lebih murah berbanding di Perlis.

"REHDA menyasarkan sehingga 7,000 unit kediaman disediakan sepanjang tahun ini di Kedah dengan 40 peratus pembinaan rumah mampu milik akan dilaksanakan di Kulim dan Sungai Petani berdasarkan permintaan tinggi, selain di Kota Setar.

"Berdasarkan ekonomi kini, permintaan tinggi bagi kediaman mampu milik dan pemaju akan melaksanakan projek berdasarkan 'trend' sedia ada," katanya.

Beliau berkata, di Malaysia rumah mampu milik dikategorikan sebagai unit kediaman berharga RM250,000 ke bawah dan Kedah pula setiap unit berharga RM200,000.



Melalui inisiatif itu kerajaan negeri menyasarkan pembangunan satu projek PPR setiap DUN, dengan keutamaan pemilikan diberikan kepada penduduk asal di kawasan DUN terbabit"

Ahmad Bashah Md Hanipah,
Menteri Besar Kedah